

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)41

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

41. Apakah rasional dan asas kelulusan kerajaan terhadap projek pembinaan asrama warga asing di kawasan penempatan awam seperti di Teluk Kumbar?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

41. Penginapan pekerja berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*) adalah satu pendekatan yang berkesan bagi tujuan pemantauan dan juga sebagai mekanisme *controlled environment*. Dengan itu, Kerajaan Negeri dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memandang serius terhadap setiap permohonan pembangunan CLQ.

Setiap pembangunan projek CLQ di negeri Pulau Pinang perlu dikemukakan kepada PBT, iaitu MBPP bagi bahagian Pulau dan MBSP bagi bahagian Seberang Perai. Kelulusan hanya akan diberikan sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah mematuhi **Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja (*Centralised Labour Quarters – CLQ*) di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022** dan mana-mana syarat yang ditetapkan oleh PBT.

Rasional dan asas kelulusan kerajaan terhadap projek pembinaan asrama warga asing di kawasan penempatan awam antaranya adalah seperti berikut:

- i. Bagi mewujudkan penempatan yang terancang dan sistematik kepada pekerja asing di kawasan ditetapkan disamping meningkatkan sistem pengawalan keselamatan yang tinggi kepada penghuni asrama dan penduduk di sekitar;

- ii. Mengurangkan tukar guna bangunan atau premis tanpa kebenaran kerana tindakan ini akan menyebabkan perancangan yang tidak teratur tanpa kawalan dan secara tidak langsung akan menjadi kawasan sesak pekerja asing;
- iii. Kawalan kesihatan awam dan kebersihan melalui pemusatan penginapan pekerja membolehkan agensi kesihatan menjalankan pemeriksaan dan rawatan berkala bagi mencegah penyakit berjangkit, di samping memastikan tahap kebersihan yang lebih baik; dan

Memudahkan pengawasan oleh pihak berkuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.